

SOALAN-SOALAN LISAN

MESYUARAT KEDUA TAHUN KEDUA DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN

PERSIDANGAN PERTAMA 9 JULAI 2024 (SELASA)

1. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)

Pengurusan nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE):

- i. Kerajaan persekutuan telah memutuskan bahawa unsur nadir bumi tidak boleh dieskport secara mentah. Oleh yang demikian, apakah perancangan kerajaan negeri dalam pengurusan unsur nadir bumi bukan radioaktif yang dicari gali dalam masa 5 tahun hingga 10 tahun akan datang?
- ii. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dan agensi kerajaan negeri dalam memastikan negeri Perak dapat menjadi pemimpin industri unsur nadir bumi bukan radioaktif supaya dapat memainkan peranan yang penting dalam rangkaian bekalan unsur nadir bumi dan juga dapat meraih manfaat sepenuhnya daripada aspek pemindahan teknologi daripada negara-negara yang maju dan sudahpun berjaya mencari jalan menggunakan unsur nadir bumi bukan radioaktif dalam penghasilan produk-produk elektrik dan elektronik?

2. YB ENCIK KHALIL BIN YAHDYA (KUBU GAJAH)

Secara perbandingan antara Diesel (bersubsidi) dengan minyak masak (bersubsidi) yang manakah lebih banyak berlaku ketirisan dan saingan pembelian di antara golongan B40 dengan warga asing (Myanmar, Bangladesh, Rohingya dan sebagainya).

Apakah tindakan kerajaan terhadap peniaga yang melanggar tatacara perniagaan pada kedua-dua jenis barang bersubsidi ini ?

3. YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL (SLIM)

- 3.1 Adakah program tertentu yang dijalankan oleh kerajaan pihak negeri perak untuk memperkuatkannya peranan belia dalam pembangunan ekonomi tempatan terutamanya dalam sektor pertanian dan perladangan?
- 3.2 Adakah geran pertanian diberikan khusus kepada golongan belia?
- 3.3 Adakah tanah yang ditawarkan kepada pengusaha baharu?

4. YB ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)

Masalah terputusnya bekalan air atau tekanan air yang rendah sering berlaku di bandar Taiping bukan sahaja pada musim perayaan tetapi agak kerap pada waktu biasa.

- a) Apakah punca khususnya di tempat-tempat seperti Taman Bukit Mas, Taman Anjung Semarak dan Taman Tasik Permai?
- b) Apakah langkah yang akan dijalankan untuk menangani masalah tersebut?
- c) Adakah masalah air terganggu ini dapat diselesaikan dalam masa terdekat ataupun penduduk-penduduk kawasan tersebut terpaksa berdepan dengan masalah tersebut berterusan lagi?

5. YB ENCIK AHMAD BIN MAN (KUALA SEPETANG)

Di Kawasan Dun Kuala Sepetang juga kerap kali berlaku masalah wabak denggi, Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri dan PBT dalam menyelesaikan masalah penularan wabak denggi.

6. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)

1. Jelaskan prestasi suku tahun pertama Tahun Melawat Negeri Perak?
2. Nyatakan jumlah pelawat dan pelancong domestik dan luar negara yang hadir.
3. Senaraikan destinasi pelancongan paling popular bagi suku pertama TMNP 2024.

7. YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)

Kebajikan Kanak-Kanak.

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri Perak terhadap perlindungan dan keselamatan kanak-kanak?
- b) Nyatakan statistik kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah secara terperinci.
- c) Nyatakan statistik jenayah terhadap kanak-kanak termasuk penderaan, pengabaian dan keganasan seksual.

8. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKUP)

1. Tenaga solar adalah merupakan potensi Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang paling besar di Malaysia dan Kerajaan negeri Perak juga telah melaksanakan beberapa inisiatif-inisiatif solar seperti ladang solar, solar atas bumbung dan terkini solar terapung. Pendekatan baru yang perlu diberi perhatian juga adalah melalui kaedah agrisolar yang mengutamakan konsep 2 kegunaan untuk tanah (dual usage of land) yang boleh membantu mencapai matlamat food security dan energy security serentak.

Pendekatan agrisolar boleh digunakan bagi membantu petani-petani kecil dan besar dalam menambah pendapatan mereka, mengurangkan kos tenaga mereka dan terlibat dalam industri peralihan tenaga.

Adakah kerajaan negeri boleh mengutamakan juga inisiatif agrisolar ini terutama dalam mengenalpasti kawasan-kawasan pertanian terutama di luar bandar bagi menggalakkan penglibatan petani-petani dalam sektor agrisolar dan membantu negara dalam mencapai sasaran bagi peningkatan kapasiti tenaga boleh Baharu ini?

9. YB DR NAJIHATUSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)

Kenapakah perumahan amanjaya di atas Lot 7475 dan Lot 7572,Mukim Bota belum diduduki?

- a) Adakah semua semua rumah unit fasa 1 sebanyak 52 dan 70 unit fasa 2 telah disenaraikan pemiliknya?
- b) Berapa ramaikah penduduk Perak Tengah yang telah ditawarkan rumah tersebut? Mohon perincian.

10. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)

Bilangan murid yang tidak hadir dan menduduki SPM 2023 melebihi 10,000 orang, namun yang lebih membimbangkan murid yang gagal dalam kertas Pendidikan Islam & Pendidikan moral kerana kedua subjek ini bukan sahaja menyumbang dari akademik namun pembentukkan sahsiah dan fikrah, apakah perancangan kerajaan dalam menangani isu ini?

11. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN (PENGKALAN HULU)

Zon Bebas Cukai Dan Pembangunan Bandar Sempadan Pengkalan Hulu.

- 1.1 Adakah Kerajaan Negeri Perak melalui UPEN akan mengangkat kembali permohonan status kawasan Zon Bebas Cukai bagi sempadan Pengkalan Hulu - Betong, Thailand?
- 1.2 Apakah cadangan rekabentuk bersepada untuk pembangunan bandar sempadan merangkumi kompleks ICQS, Perak Gateway, The Zon, jambatan baru, kawasan niaga bebas cukai, pelabuhan darat dan medan selera di kawasan ini?

12. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)

Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Jalan Pahang, Tapah.

- a) Untuk memastikan projek ini berjaya dilaksanakan pada tahun ini. Apakah status terkini Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Jalan Pahang,Tapah?
- b) Dimanakah kawasan-kawasan yang terlibat dengan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Jalan Pahang,Tapah.
- c) Bilakah laporan kajian sumber air yang perlu dilaksanakan oleh pihak UPEN dijangka siap?

13. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)

Apakah tindakan kerajaan dari segi ciri-ciri keselamatan untuk mengatasi kemalangan di Lebuhraya WCE (West Coast Expressway) Banting - Changkat Jering yang baru sahaja di buka untuk orang ramai, dimana baru-baru ini telah berlaku satu kemalangan maut (3 orang meninggal) berhampiran susur keluar Terong. Ciri keselamatan terutamanya di selekoh atau jalan-jalan yang berisiko tinggi untuk berlaku kemalangan terutama di waktu malam.

14. YB PUAN KOO HAAI YEN (KERANJI)

Rumah kosong terbiar.

- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri terhadap rumah kosong yang terbiar yang menjadi tempat pembiakan nyamuk dan semak samun mengakibatkan masalah kebersihan dan kesihatan.
- (b) Adakah kerajaan negeri akan mengambil tindakan drastik untuk merampas tanah-tanah ini jika pemilik rumah terbiar ini tidak membayar cukai tanah.

15. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Memohon pihak Kerajaan Negeri menjelaskan bahawa tahap “Smart City” yang telah dilaksanakan di Negeri Perak dan apakah rancangan untuk meningkatkan perkhidmatan yang lancar melalui aplikasi bersepadu supaya memudahkan urusan pengguna.

16. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN (KENERING)

Soalan berkenaan;

PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Sejauh manakah pelaksanaan projek pemulihan tanah-tanah sawah terbiar, bagi memastikan industri keterjaminan makanan, khususnya untuk rakyat di Negeri Perak ini terjamin. Mohon YAB Menteri Besar nyatakan bila tempoh kerajaan telah mula merancang dan bila tempoh pelaksanaan projek ini termasuk penyediaan infrastruktur siap sepenuhnya.

17. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)

Tahun Melawat Perak 2024

1. Berapakah bilangan pelancong yang telah mengunjung ke Perak setakat bulan Jun 2024? Sila nyatakan secara spesifik pelancong mengikut daerah dan sumber data.
2. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menambah baik sistem pengangkutan awam untuk pelancong-pelancong di negeri Perak terutamanya di Daerah Manjung?
3. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pekan Warisan Kg Koh dan Sitiawan dijadikan tarikan baru pelancong di Perak?

18. YB KAPT (B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)

Ingin bertanya kepada YAB Menteri Besar kaedah terbaik menangani bau busuk dan sampah yang berselerak di Kg Pondok Quen.

19. YB ENCIK AZMAN BIN NOH (PENGKALAN BAHARU)

Tahniah diucapkan kepada YB LOH, Exco Pelancongan dan perindustrian Negeri Perak setelah berjaya membawa masuk ramai pelancong khas nya dari Negara China ke IPOH semperna Tahun Melawat Perak 2024. Soalan saya.

1. Apakah konsep yang di buat bagi menghidupkan Concubine lane di Pekan lama menjadi tumpuan pelancong selain dari Paloh Street yang begitu popular di kalangan pelancong.

20. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN (TRONG)

Terdapat masjid, surau dan rumah ibadat agama selain agama Islam didirikan di atas tanah rizab kerajaan yang belum diwartakan sebagai tanah wakaf atau tapak rumah ibadah. Apakah tindakan kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah ini dalam mencapai Perak Sejahtera 2030?

21. YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN (CHENDERROH)

Minta Kerajaan Negeri Perak untuk menyatakan inisiatif yang diambil bagi membantu rakyat di negeri ini bagi mendapatkan bekalan asas keperluan terkawal seperti beras putih tempatan, gula, tepung dan minyak masak bersubsidi memandangkan barang tersebut sukar untuk didapati belakangan ini.

22. YB DR ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)

GLC: Berapa kesemuanya, setakat ini berapa yang baru ditubuhkan dan yang dimansuhkan, GLC mana yang paling baik prestasinya?

23. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Tentang persediaan pihak kerajaan negeri untuk menyambut kedatangan teknologi AI (artificial intelligence)

- i. Apakah perancangan, asa depan kerajaan negeri untuk menarik pelaburan asing yang telah dibuat?
- ii. Adakah pihak kerajaan negeri telah bersiap sedia dari segi keselamatan pangkalan data penting dan sulit, bagi mengurangkan serangan AI demi keselamatan negeri?
- iii. Sila jelaskan apakah prasarana, infrastruktur, galakan dari segi cukai atau pinjaman wang, atau permohonan lesen pelaburan atau peniaga yang tidak menyusahkan dan lain-lain yang sedia ada, untuk menarik pelabur baru?

24. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA (GUNUNG SEMANGGOL)

Apakah langkah bergerak ke hadapan pihak kerajaan negeri dalam membangunkan semula projek berpotensi seperti Movie Animation Park Studios atau MAPS Perak dan Perak Agrotourism Resort (PATRO) sebagai usaha merancakkan ekonomi negeri dan setempat?

25. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI (KUALA KURAU)

Apakah kerajaan negeri ada perancangan untuk membina sebuah jeti nelayan yang menjadi keperluan amat mustahak kepada komuniti nelayan di muara sungai baharu mukim tanjung piandang?

26. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)

Apakah peranan Kerajaan dalam mengalakkan penglibatan belia dalam bidang pertanian serta bagaimana program pendidikan boleh diselaraskan untuk menarik minat belia kepada sektor pertanian?

27. YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN (CHENDEROH)

Minta pihak Kerajaan Negeri Perak untuk menyatakan langkah kawalan dan mitigasi yang telah dan akan diambil bagi memastikan kos pengeluaran hasil tani dan hasil makanan tidak meningkat kesan dari rasionalisasi subsidi diesel oleh Kerajaan Persekutuan.

28. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)

- a) Apakah status terkini Projek Taman Industri Halal Perak @ Lekir (HIP)?
- b) Adakah Pembangunan projek ini mengikut jadual yang memungkinkan HIP mula beroperasi pada tahun 2025 seperti dirancang?

29. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN (AYER KUNING)

PENGUATKUASAAAN BERKAITAN MASALAH HAIWAN TERNAKAN SEPERTI LEMBU DAN KERBAU BERKELIARAN DI ATAS JALANRAYA UTAMA YANG MENYEBABKAN KEMALANGAN DAN KEMATIAN

1. ADAKAH KERAJAAN AKAN MENGGUBAL UNDANG-UNDANG SEDIA ADA BAGI MEMASTIKAN LEBIH BANYAK JABATAN ATAU AGENSI DAPAT MENGAMBIL TINDAKAN KEATAS HAIWAN TERNAKAN TERUTAMANYA PENTERNAK.
2. APAKAH LANGKAH DRASTIK KERAJAAN BAGI MEMASTIKAN PENTERNAK HAIWAN TERNAKAN INI LEBIH BERTANGGUNGJAWAB UNTUK TIDAK MEMBIARKAN HAIWAN PELIHARAAN BERGERAK BEBAS DI ATAS JALANRAYA?

30. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN (SELAMA)

Mohon penjelasan berhubung isu khutbah jumaat yang mencetuskan polemik dalam kalangan umat islam tempoh hari?

31. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)

Banjir kilat sering berlaku apabila hujan lebat.

- a) Apakah punca utama yang menyebabkan banjir kilat sering berlaku di kawasan Ipoh?
- b) Apakah tindakan dan rancangan jabatan yang terlibat untuk mengurangkan risiko banjir kilat di Ipoh?

32. YB ENCIK NGA KOR MING (KEPAYANG)

Perbelanjaan berhemah

3. Minta YAB Menteri Besar nyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dilakukan oleh kerajaan negeri utk memastikan setiap projek kerajaan tiada ketirisan dan penyelewengan supaya rakyat dapat menikmati manfaat yang optima hasil dari perancangan Kerajaan?

33. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)

Isu lampu jalan sering dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) di setiap daerah. Aduan kerosakan dan permohonan baharu lampu jalan dikemukakan dalam mesyuarat JTPD sama ada oleh wakil-wakil rakyat, pejabat penghulu atau lain-lain agensi.

Maklumbalas pejabat daerah adalah permohonan peruntukan akan atau telah dipanjangkan kepada pihak Kementerian namun isu tersebut berlarutan dan masih tidak dapat diselesaikan sepenuhnya.

- A) Adakah kerajaan negeri telah memohon peruntukan tambahan daripada kerajaan persekutuan untuk menyelesaikan masalah tersebut?
- B) Adakah penggunaan lampu jalan tenaga solar lebih menjimatkan kos dari segi jangka panjang?

34. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

Sejak kebelakangan ini, terdapat banyak kemalangan dalam berita mengatakan pokok atau dahan pokok yang besar tumbang pada pengguna jalan raya. Apakah pelan tindakan Kerajaan negeri terhadap pengawalan pokok-pokok dibawah pendaftaran PBT dan pokok-pokok yang bukan dibawah pendaftaran PBT? Sila nyatakan secara terperinci bagi kawasan DUN Tronoh.

35. YB DR HASHIM BIN BUJANG (BUKIT CHANDAN)

Perak Sejahtera 2030 dengan slogan perak makmur rakyat sejahtera dengan hasil kutipan negeri pada tahun 2023 sebanyak RM 1.21 billion dan hasil kutipan perlombongan REE sehingga mei 2024 sebanyak RM 29.73 juta. Bagaimanakah pengagihankekayaan negeri ini di salurkan kepada golong miskin dan miskin tegar di negeri perak supaya kehidupan mereka menjadi sejahtera dan tidak lagi bergantung kepada bantuan seperti kotak makanan, bantuan kewangan dari Yb Yb untuk membeli pampers, perbelanjaan harian, perbelanjaan untuk kesihatan dan lain lagi.

36. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (MANJOI)

JALAN ROSAK DI JALAN JELAPANG-CHEMOR A1, SEKSYEN 7.5 HINGGA 11.

- (a) Apakah usaha kerajaan bagi membaik pulih masalah jalan rosak di Jalan Jelapang-Chemor A1, Seksyen 7.5 hingga 11?
- (b) Apakah usaha kerajaan bagi menjamin keselamatan jalan tersebut yang digunakan oleh kenderaan berat kepada penduduk?
- (c) Adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan bagi mengehadkan penggunaan jalan tersebut kepada kenderaan berat?

37. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)

PERPINDAHAN SEKOLAH RAJA PEREMPUAN TAAYAH

1. Adakah dakwaan bahawa Sek. Raja Perempuan Taayah, Ipoh akan di pindahkan ke Sri Iskandar benar?

2. Adakah Kerajaan Negeri bersetuju dengan pemindahan ini?

38. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Kad Perak Sejahtera

- i) Senaraikan semua penerima bantuan Kad Perak Sejahtera untuk kawasan di bawah Dewan Negeri Canning bagi tahun 2022 - 2024.

39. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)

Selain pemberian One-Off kepada pegawai masjid dan surau dalam negeri Perak, apakah perancangan kerajaan negeri bagi menambah baik kadar elaun pegawai masjid dan surau dalam memastikan elaun yang diterima bersesuaian dengan kadar kos keperluan sara hidup masa kini?